

KENYATAAN SEBUTHARGA

TARIKH IKLAN : 14 JANUARI 2025



JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **220901** serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:


| BIL | NO. SEBUTHARGA DAN TAJUK PROJEK | GREED | LAWATAN TAPAK/TEMPAT BERKUMPUL | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP / MASA |
|-----|---|-----------|---|--|---|
| 1. | PPN.PK. (S) 47/2025 (BKP) Perkhidmatan Kawalan Serangga / Makhluk Perosak dan Haiwan Berbisa Serta Kerja-Kerja Membekal dan Memasang Karpets Anti Debu dan Pewangi Selama Dua (2) Tahun Di Bangunan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan, Persiaran Meru Utama, 30020 Ipoh | G1 | Tarikh : 21 Januari 2025 (Selasa) Masa : 02.30 Petang Tempat : Bilik Mesyuarat 2, Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak | Tarikh : Mulai 21 Januari 2025 (Selasa) Tempat : Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak | Tarikh : 27 Januari 2025 (Isnin) Masa : 12.00 Tengahari |

- Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebutharga ini adalah **diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat sebutharga** sepertimana ketetapan di dalam kenyataan sebutharga.
- Hanya **penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan** menghadiri taklimat dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalanan** :
 - Kad Pengenalan pemilik syarikat;**
 - Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan**
 - Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).**
- Kehadiran ke sesi lawatan tapak adalah **diwajibkan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)** dalam menyokong usaha membendung penularan wabak COVID-19.
- Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **21 Januari 2025 (Selasa)** sehingga **sebelum tutup Sebutharga 27 Januari 2025 (Isnin)** pada waktu pejabat di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

5. Kontraktor-kontraktor atau penama-penama perlu mengambil Borang Pendaftaran Kontraktor di Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tujuan untuk pembelian Wang Pos atau Bank Deraf terlebih dahulu dan membuat pembayaran di Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
6. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** dan Borang Pendaftaran Kontraktor akan dijual dengan harga **RM 50.00** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos** atau **Bank Deraf** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai** tidak akan diterima. Semasa pembelian dokumen Sebutharga, penama juga **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan bersama Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tahun semasa.
7. Penama-penama atau wakil-wakilnya juga diminta untuk mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal yang masih Aktif** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan **Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak**.
8. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada **27 Januari 2025 (Isnin)** pada jam **12.00** tengahari.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

9. Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa sistem '*cut-off*'. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau sebarang sebutharga.



MUHAMAD UZIR BIN MOHD TAHIR
Ketua Penolong Pengarah (Khidmat Pengurusan)
b.p Pengarah Perhutanan Negeri,
Perak Darul Ridzuan